



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **PROGRAM ARKIB@KOMUNITI PERKASA PERANAN KOMUNITI PELIHARA KHAZANAH WARISAN NEGARA**

---

**KLANG, 17 Mei** – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Arkib Negara Malaysia (ANM) telah melaksanakan **Program Arkib@Komuniti** sebagai satu daripada **usaha Kerajaan MADANI memperkasa peranan komuniti dan masyarakat dalam memelihara khazanah dan warisan negara**. Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di di Pekarangan Bangunan Galeri Warisan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK), Klang, Selangor.

Program ini diadakan seiring dengan inisiatif ANM untuk **mempertingkatkan usaha memperoleh koleksi persendirian komuniti**. Penemuan sumber sejarah baharu akan dapat melengkapkan naratif pensejarahan negara dalam memahami sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lampau.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, “**Program Arkib Komuniti ini akan disebar luaskan oleh ANM ke komuniti seluruh negara** bagi mendekati individu, keluarga, tokoh, pertubuhan, purbawan (*collector*) dan komuniti yang memiliki koleksi bernilai sejarah. Orang ramai dialu-alukan **untuk menyumbang koleksi persendirian kepada ANM** bagi melengkapkan koleksi bahan dan mengisi jurang maklumat sejarah sedia ada”.

YB Datuk Aaron turut mencadangkan agar Arkib Komuniti **ditubuhkan di setiap komuniti dan daerah dengan kerjasama PBT di seluruh negara** dengan tujuan untuk mengekalkan penglibatan aktif komuniti dalam pengesanan, pengumpulan, pemerolehan dan pemeliharaan warisan sejarah negara.

Selain itu, beliau menyarankan agar ANM **membangunkan laman khas Arkib Komuniti yang** boleh berfungsi sebagai “portal ke masa lalu” di mana penyelidik, komuniti atau penyerah bahan dapat mengakses dan mendapatkan maklumat sejarah komuniti secara atas talian.

Pelbagai pengisian menarik turut disediakan kepada pengunjung pada program ini seperti sesi penyerahan bahan dan dokumen, perkhidmatan penyalinan bahan (*scanning*), perkhidmatan pemuliharaan dan penjilidan koleksi, reruai pameran dan demonstrasi berkaitan seni, budaya serta sejarah warisan negara, dan tayangan wayang pacak.

**Kementerian Perpaduan Negara**

15 Mei 2025

KPN.100-9/1/16 (34)

